

# **BRINKS ETHICS & COMPLIANCE**

**KOD TATAKELAKUAN PEMBEKAL BRINKS**

JANUARI 2025

## **ISI KANDUNGAN**

Pematuhan Undang-undang .....	3
Pematuhan Hak Asasi Manusia .....	3
Buruh Kanak-kanak dan Buruh Paksa .....	3
Kebebasan Berpersatuan .....	4
Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja .....	4
Anti Diskriminasi .....	4
Alam Sekitar .....	4
Konflik Kepentingan .....	4
Hadiah, Jamuan Makan dan Hiburan .....	5
Rasuah .....	5
Pencegahan Pengubahan Wang Haram .....	5
Rekod Perniagaan dan Kewangan .....	6
Amalan Pematuhan Anti Monopoli dan Persaingan Adil .....	6
Melindungi Maklumat .....	6
Perlindungan Data Peribadi .....	6
Melaporkan Salah Laku .....	7

Brinks dan bahagian, anak syarikat dan ahli gabungannya masing-masing di seluruh dunia (secara kolektif, "Brinks") komited untuk menjalankan perniagaannya dengan penuh integriti dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan kawal atur yang dikenakan serta menjadi rakan kongsi dalam perniagaan yang berkongsi komitmen tersebut.

Kod tatakelakuan ini terpakai untuk semua – pembekal, vendor, kontraktor, pemegang lesen dan ejen (secara kolektif, "Pembekal") - yang membekalkan produk dan/atau perkhidmatan kepada Brinks. Kod ini mentakrifkan jangkaan minima kami.

## Pematuhan Undang-undang

Semua pembekal Brinks (termasuk subkontraktor) mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan antarabangsa, negara, negeri dan tempatan yang dikenakan; termasuk, tetapi tidak terhad kepada, undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan buruh, imigresen, kesihatan dan keselamatan serta alam sekitar. Ketidakpatuhan kod ini atau mana-mana undang-undang atau peraturan yang dikenakan akan menyebabkan penamatkan perhubungan perniagaan serta-merta.

## Pematuhan Hak Asasi Manusia

Sebagai anggota Global Compact Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Brinks komited untuk menyokong prinsip PBB berkenaan Hak Asasi Manusia. Kami berharap komitmen kami kepada prinsip ini dapat ditunjukkan dalam operasi semua rakan pembekal kami.

Pembekal mesti mematuhi (dan memastikan bahawa setiap subkontraktor mereka juga mematuhi) semua undang-undang, kanun, peraturan dan kod hak asasi manusia yang dikenakan termasuk tetapi tidak terhad pada Akta Perhambaan Moden UK 2015.

Pembekal akan melaksanakan prosedur usaha wajar dengan pembekal, subkontraktor mereka sendiri dan peserta lain dalam rantai bekalan mereka untuk memastikan tiada pelanggaran hak asasi manusia termasuk, tetapi tidak terhad kepada perhambaan, buruh kanak-kanak atau pemerdagangan manusia dalam rantai bekalan mereka. Jika vendor mengetahui sebarang pelanggan dalam rantai bekalan mereka, mereka mesti memaklumkan Brinks dengan serta-merta.

## Buruh Kanak-kanak dan Buruh Paksa

Brinks tidak bertolak ansur dengan penggunaan buruh bawah umur atau buruh paksa dan tidak akan sengaja bekerjasama dengan mana-mana pembekal yang menggunakan mana-mana kumpulan ini sebagai pekerja. Pembekal mesti hanya menggunakan pekerja yang memenuhi keperluan umur layak minima serta mematuhi semua undang buruh kanak-kanak lain yang dikenakan. Brinks menyokong prinsip yang menjadi panduan Global Compact PBB termasuk penghapusan buruh kanak-kanak dan buruh paksa yang berkesan dan mengharapkan pembekalnya juga dapat mematuhi prinsip tersebut.

Pembekal mesti memastikan bahawa pekerja bekerja dalam keadaan mematuhi undang-undang yang dikenakan berkaitan dengan waktu kerja biasa dan waktu kerja lebih masa; ini termasuk rehat, cuti, cuti bersalin dan cuti berkaitan kebapaan.

## **Kebebasan Berpersatuan**

Kami mencari pembekal yang secara produktif melibatkan pekerja dan menghargai mereka sebagai aset penting terhadap kejayaan perniagaan yang mampan. Pembekal mesti menghormati hak pekerja mereka untuk berpersatuan berkaitan keadaan bekerja dan untuk menyertai kesatuan, membentuk majlis kerja dan terlibat dalam rundingan buruh, termasuk perundingan bersama. Pembekal tidak akan menakut-nakutkan atau mengganggu mana-mana pekerja yang menyertai persatuan sedemikian.

## **Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja**

Pembekal mesti menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat, mengikut undang-undang tempatan, untuk semua pekerja yang bertujuan untuk meminimakan bahaya keselamatan pekerjaan dengan memasukkan kawalan keselamatan, dan prosedur, penyelenggaraan pencegahan dan peralatan perlindungan yang sesuai.

## **Anti Diskriminasi**

Di Brinks, kami menghormati individu dan perbezaan budaya serta tidak bertolak ansur terhadap diskriminasi.

Pembekal diharapkan untuk mengekalkan tempat kerja yang bebas diskriminasi dan menggunakan pekerja yang layak dari segi undang-undang berdasarkan keupayaan mereka, dan bukannya bangsa, warna kulit, jantina, status kehamilan, identiti jantina, status perkahwinan, pendapat politik, agama, umur, ketidakupayaan, orientasi seksual, asal usul sosial, negara asal atau sebarang sifat lain yang tidak berkaitan dengan keupayaan individu untuk melakukan kerja yang diperlukan oleh pekerjaan tersebut.

Di Brinks, salah satu nilai teras kami ialah kepelbagai dan penyertaan. Kami mengharapkan pembekal kami akan terlibat dalam proses penyumberan yang menggalakkan peluang yang sama.

## **Alam Sekitar**

Brinks mengharapkan pembekalnya memastikan bahawa kemudahan mematuhi undang-undang alam sekitar, termasuk semua undang-undang yang berkaitan dengan pelupusan sisa, pelepasan udara, pembuangan, bahan toksik dan pelupusan sisa berbahaya. Pembekal mesti mengesahkan bahawa semua bahan dan komponen input diperoleh daripada sumber yang dibenarkan selaras dengan perjanjian dan protokol antarabangsa selain undang-undang dan peraturan tempatan. Selain itu, pembekal diharapkan untuk terus mencari cara untuk meminimakan sisa, pelepasan dan pembuangan dalam operasi, produk dan perkhidmatan mereka dan untuk mengadakan dan mengekalkan program yang menggalakkan penambahbaikan berterusan.

## **Konflik Kepentingan**

Pekerja Brinks dikehendaki sentiasa bertindak demi kepentingan terbaik syarikat. Sehubungan itu, pekerja tidak sepatutnya mempunyai perhubungan, kewangan atau sebaliknya, dengan mana-mana pembekal yang mungkin berkonflik atau boleh berkonflik, dengan kewajipan pekerja untuk bertindak demi kepentingan terbaik syarikat.

Pembekal diperlukan untuk mengelakkan tindakan yang boleh menyebabkan konflik kepentingan, yang termasuk, menawarkan, menyediakan atau membayar balik hadiah peribadi, ganjaran, perbelanjaan perjalanan peribadi, penginapan atau perumahan lain, sebarang jenis perkhidmatan, jamuan makan atau hiburan berlebihan (lihat butiran di bawah), atau sebarang perkara lain yang bernilai kepada pekerja Brinks dengan niat untuk mempengaruhi keputusan perniagaan.

## **Hadiah, Jamuan Makan dan Hiburan**

Pekerja Brinks dilarang daripada menerima apa sahaja yang lebih daripada hadiah, jamuan makan dan hiburan sederhana daripada Pembekal. Hadiah tunai atau setara tunai, seperti kad hadiah, tidak dibenarkan sama sekali. Pekerja pembekal tertakluk pada had sama yang dihuraikan dalam bahagian ini apabila ditawarkan hadiah, jamuan makan atau hiburan oleh pekerja Brinks, pelanggan atau rakan perniagaan lain.

## **Rasuah**

Integriti merupakan salah satu nilai teras Brinks dan kami berharap rakan pembekal kami mematuhi standard beretika tertinggi dalam amalan perniagaan mereka. Pembekal yang bertindak bagi pihak Brinks mesti mematuhi Akta Amalan Rasuah Asing A.S. dan Akta Rasuah UK, serta semua undang-undang tempatan yang mengendalikan rasuah pegawai kerajaan. Pembekal tidak boleh memindahkan apa sahaja yang bernilai, secara langsung atau secara tidak langsung, kepada mana-mana pegawai kerajaan, pekerja kerajaan atau parti politik, untuk mempengaruhi atau mendapatkan sebarang manfaat atau kelebihan yang tidak betul berhubung dengan sebarang transaksi yang melibatkan Brinks.

Pembekal tidak boleh memberi apa sahaja yang bernilai kepada pegawai kerajaan bagi pihak Brinks (atau sepanjang interaksi dengan kerajaan bagi pihak Brinks) tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada penasihat undang-undang Brinks, yang mungkin diperoleh melalui hubungan utama/pengurus perhubungan pembekal di Brinks.

Brinks juga melarang rasuah komersial. Pembekal mesti menyimpan perakaunan bertulis tentang semua bayaran (termasuk sebarang hadiah, jamuan makan, hiburan atau apa sahaja yang bernilai) yang dibuat bagi pihak Brinks. Pembekal mesti melengkapkan salinan perakaunan ini atas permintaan Brinks.

## **Pencegahan Pengubahan Wang Haram**

Di Brinks, kami komited untuk mematuhi dengan tegas semua undang-undang dan peraturan Pencegahan Pengubahan Wang Haram (“AML”). Ketika bertindak bagi pihak Brinks, pembekal tidak boleh dengan sengaja terlibat atau berusaha untuk terlibat dalam sebarang transaksi melibatkan hasil yang diperoleh daripada aktiviti haram, mesti melaksanakan AML yang dikenakan dan tanggungjawab kawal selia lain, dengan niat baik sepenuhnya dan melaporkan dengan serta-merta kepada kami sebarang perkara yang disyaki berkaitan dengan aktiviti haram. Pembekal kami tidak boleh berurusan dengan individu dan entiti tertentu (seperti yang disyaki sebagai pengganas atau pedagang haram narkotik) yang tertakluk pada sekatan ekonomi antarabangsa.

## Rekod Perniagaan dan Kewangan

Pembekal dan juga Brinks mesti menyimpan rekod yang tepat bagi semua perkara berkaitan dengan perniagaan pembekal dengan Brinks. Ini termasuk rakaman semua perbelanjaan dan bayaran yang betul. Jika Brinks dikenakan caj untuk masa pekerja pembekal, rekod masa mesti lengkap dan tepat. Pembekal tidak sepatutnya menangguh penghantaran invois atau sebaliknya membolehkan pengalihan perbelanjaan kepada tempoh perakaunan yang berbeza.

## Amalan Pematuhan Anti Monopoli dan Persaingan Adil

Pembekal harus menjalankan perniagaan mereka dengan mematuhi sepenuhnya undang-undang anti monopoli dan persaingan adil yang mentadbir bidang kuasa di tempat mereka menjalankan perniagaan. Pembekal mesti mendukung standard amalan perniagaan dan persaingan adil serta menahan diri daripada persetujuan yang boleh menyebabkan sekatan atau pencegahan persaingan. Pembekal secara khusus dilarang daripada membuat pengaturan dengan pesaing berkenaan harga, penentuan harga, penenderan, kapasiti, terma perniagaan atau bahagian pasaran (termasuk peruntukan pelanggan atau wilayah jualan antara pesaing), teknologi, boikot anti persaingan dan pertukaran haram maklumat sensitif berdaya saing dengan pesaing.

## Melindungi Maklumat

Pembekal mesti melindungi maklumat sulit Brinks. Pembekal yang telah memberi akses kepada maklumat sulit sebagai sebahagian perhubungan perniagaan tidak sepatutnya berkongsi maklumat sulit ini dengan sesiapa sahaja selainkan dibenarkan secara jelas untuk berbuat demikian oleh Brinks. Kami berharap pembekal kami mematuhi keperluan undang-undang, peraturan dan pengekalan keselamatan dan privasi yang dikenakan dan memastikan bahawa kawalan teknikal dan keselamatan yang sesuai dilaksanakan untuk melindungi maklumat sulit kami.

Maklumat sulit merangkumi semua data bukan umum Brinks, termasuk: rancangan perniagaan, strategi penentuan harga, rancangan pemasaran, maklumat peribadi pekerja, maklumat pelanggan dan harta intelektual. Pembekal tidak boleh menyumber luar, mendedahkan, berkongsi atau menggunakan maklumat ini di luar keperluan yang ditakrifkan dalam kontrak mereka dan/atau dalam perjanjian ketidakdedahan mereka dengan syarikat.

Pembekal dilarang daripada memperdagangkan dalam sekuriti Brinks, berdasarkan maklumat sulit yang diterima ketika menyediakan perkhidmatan untuk Brinks atau bertindak bagi pihak Brinks. Jika pembekal percaya ia telah tersilap diberikan akses kepada Brinks atau sebarang maklumat sulit pihak ketiga yang lain, pembekal harus segera memaklumkan hubungannya di Brinks dan menahan diri daripada pengagihan lanjut maklumat tersebut.

## Perlindungan Data Peribadi

Selain kerahsiaan di atas, mana-mana pembekal yang mengendalikan maklumat peribadi daripada pekerja Brinks atau pihak ketiga dalam melaksanakan perkhidmatan bagi pihak Brinks mesti memastikan bahawa maklumat sedemikian dikumpulkan mengikut asas yang sah, dilindungi daripada akses, penggunaan dan pendedahan yang tidak betul, diproses secara sesuai dan sebarang pemfailan yang dikenakan atau sesuai telah dilengkapkan oleh pembekal dengan pihak berkuasa berkaitan.

## Melaporkan Salah Laku

Pembekal yang percaya bahawa pekerja Brinks atau sesiapa sahaja yang bertindak bagi pihak Brink's, telah terlibat dalam kelakuan yang menyalahi undang-undang atau tidak betul, harus segera melaporkan perkara tersebut kepada Brinks.

Untuk melaporkan kebimbangan, hubungi secara langsung pengurus pekerja atau melaporkan kebimbangan melalui Talian Penting Etika Brinks. Anda boleh mengakses talian penting di <https://brinkshotline.ethicspoint.com> (tersedia dalam lebih daripada 30 bahasa) untuk membuat laporan dalam talian atau mendapatkan talian penting tempatan, jika tersedia.

Perhubungan pembekal dengan Brinks tidak akan menjaskankan laporan jujur salah laku yang mungkin.